

Malaysia tidak mahu negara ASEAN dijadi pangkalan tentera asing — PM

PELABUHAN KLANG
12 Mac — Malaysia tidak mahu mana-mana negara di rantau ini dijadikan pangkalan tentera asing yang aktif melainkan dalam perjanjian pertahanan lima negara, kata Perdana Menteri Dato' Sri Dr. Mahathir Mohamad hari ini.

Beliau bagaimanapun berkata, Malaysia sedia berbincang dengan negara-negara ASEAN yang lain mengenai kedudukan pangkalan tentera Amerika di Filipina.

"Kalau berbincang, bolehlah. Tetapi, dasar kita ialah kita tidak menerima negara itu menjadi pangkalan kepada sesiapa melainkan dalam perjanjian pertahanan lima negara," katanya kepada pemberita ketika diminta mengulas saranan Setiausaha Pertahanan Filipina, Fidel Ramos yang dilaporkan oleh akhbar hari ini.

Encik Ramos dalam kenyataannya meminta negara-negara anggota ASEAN mengadakan mesyuarat bagi membincangkan kedudukan pangkalan tentera Amerika di negara itu.

Encik Ramos berpendapat, kalangan negara-negara ASEAN perlu berkongsi beban untuk menanggung penyediaan pangkalan tentera itu.

Anggota-anggota perjanjian pertahanan lima negara terdiri dari Britain, Australia, New Zealand, Singapura dan Malaysia.